

29 JAN 2002

MAHATHIR-MAS/I

MAS TIDAK AKAN DIBATALKAN PENYENARAIANNYA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysian Airline System Bhd (MAS) tidak akan dibatalkan penyengaraiannya daripada Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sebagai sebahagian daripada cadangan penyusunan semula operasi kumpulan berkenaan.

"Saya mahu jelaskan perkara ini kerana laporan perniagaan dalam satu akhbar agak mengelirukan," kata beliau kepada pemberita selepas satu persidangan, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini hari ini.

"Orang menyangkakan yang kerajaan akan membentuk satu entiti baru yang dipanggil MAS, padahal hanya syarikat tersenarai itulah yang mengendalikan operasi antarabangsa," kata beliau.

Semalam, pengarah urusan MAS Datuk Md Nor Md Yusof mengumumkan yang saham-saham MAS akan dipindahkan kepada sebuah syarikat baru yang akan ditubuhkan Newco, yang akan menjadi anak syarikat MAS.

Newco itu akan bertanggungjawab untuk operasi perkhidmatan kargo dan penumpang antarabangsa.

MAS yang disenaraikan dalam tahun 1985 mempunyai hutang berjumlah RM10 bilion.

Md Nor berkata cadangan penyusunan semula kumpulan akan menyaksikan pemisahan operasi perkhidmatan penumpang antarabangsa dan kargo dari operasi domestik.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan telah mencadangkan MAS mengendalikan hanya penerbangan antarabangsa menggunakan pesawat yang dipajak daripada kerajaan.

"MAS tidak akan memiliki sebarang pesawat. Ia seperti pengendali hotel yang mengendalikan hotel berkenaan tetapi tidak memilikinya."

"Kerajaan akan memajukan pesawat itu kepada MAS. MAS akan mengendalikan penerbangan/perjalanan antarabangsa dan itulah syarikat yang akan mengambil tempat MAS yang sedia ada sekarang," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata syarikat penerbangan negara itu akan mengendalikan penerbangan antarabangsa sebagai pengendali bagi pihak kerajaan.

"Bila mereka mengendalikan penerbangan domestik, kita akan bayar mereka," kata beliau.

Menyentuh mengenai lain-lain aktiviti dan aset MAS, Dr Mahathir berkata fungsi-fungsinya yang lain akan diambil dan akan dimiliki oleh kerajaan sebagai permulaan, dan mungkin juga ada yang berminat untuk membeli MAS Catering ataupun MAS Engineering.

"Yang lainnya akan diambil oleh kerajaan dan dijual kepada pembida yang benar-benar berkelayakan," kata beliau.

Perdana Menteri berkata ini bermakna semua hutang yang ditanggung oleh MAS dalam pembelian pesawat dan kerugian syarikat berkenaan dalam bahagian kejuruteraan, laluan domestik dan katering, akan diambil oleh kerajaan dan kemudiannya akan dijual.

Untuk tempoh sembilan bulan berakhir 31 Dis, 2001, MAS mencatatkan kerugian sebelum cukai RM1.127 bilion berbanding kerugian RM843.031 juta dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Apabila ditanya sama ada kerajaan masih lagi berminat untuk mendapatkan rakan niaga strategik, beliau berkata: "Ya, untuk operasi MAS. Kita masih lagi berminat tetapi kita mesti tahu apakah tujuan mereka (rakan niaga) kerana ia akan menjadi sebuah syarikat yang mengendalikan penerbangan

tetapi tidak memiliki sebarang aset."

Dr Mahathir juga berkata yang rakan niaga itu akan bersama-sama dengan syarikat yang mengendalikan laluan antarabangsa.

Beliau berkata cadangan itu akan menghapuskan semua hutang MAS dan syarikat itu tidak akan mempunyai hutang selepas itu.

Mengenai perlunya saham istimewa dalam syarikat, Dr Mahathir berkata kerajaan telahpun mempunyai saham majoriti dan tidak perlu untuk mempunyai saham istimewa. -- BERNAMA

MK MKO FR AA